**PERBADANAN ASET KERETAPI**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

# KENYATAAN TENDER

**TARIKH: 27 MAC 2025**

Tawaran tender ini dipelawa daripada syarikat/ kontraktor yang mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan (MOF) di bawah kod bidang berkaitan dan masih sah semasa membuat tawaran tender perkhidmatan seperti berikut:

| BUTIRAN TENDER | SYARAT PENDAFTARAN/ KOD BIDANG | HARGA DOKUMEN | TARIKH DOKUMEN TENDER BOLEH DIBELI DAN DIMUAT TURUN | TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TENDER DITUTUP |
|---|---|---|---|---|
| **TENDER PERKHIDMATAN *MAINTENANCE, REPAIR AND OVERHAUL (MRO) LEVEL* 3 UNTUK 13 UNIT TREN *DIESEL MULTIPLE UNIT (DMU)* KELAS 61**<br><br>**NO. TENDER: RAC.BP-A/02/25** | **Status: TERBUKA**<br><br>**Kod Bidang MOF:**<br><br>**110401**<br>**ATAU**<br>**110403**<br>**ATAU**<br>**220111** | **Harga Dokumen:**<br><br>**RM1,500.00**<br>(**Tidak akan dikembalikan**)<br>Pembelian dalam talian melalui sistem Tender Wizard RAC | **15 April 2025 (Selasa)**<br><br>Sehingga<br><br>**13 Mei 2025 (Selasa)** | **Dokumen Tender** yang telah lengkap diisi hendaklah **WAJIB** dihantar secara:<br><br>1. Dimuat naik melalui **Sistem Tender Wizard RAC;** dan<br>2. Dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri/ berlakri yang ditulis Tajuk dan No.Tender di penjuru kiri sampul dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender** di alamat:<br><br>**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**<br>PERBADANAN ASET KERETAPI<br>Aras 15, IOI City Tower 2,<br>Lebuh IRC, IOI Resort City Putrajaya,<br>62502 Sepang, Selangor<br><br>**Sebelum atau pada tarikh 13 Mei 2025 (Selasa) tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari** |

Pembida adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri **Taklimat Tender** dan **Lawatan Tapak** seperti ketetapan berikut:

| | |
|---|---|
| **Tarikh : 15 April 2025 (Selasa)**<br>**Masa : 10:00 pagi**<br>**Tempat : RSME KTMB Depot Gemas, Kampung Sri Gemas, 73400 Gemas, Negeri Sembilan** | i. **Hanya petender** yang telah memenuhi **syarat pendaftaran yang ditetapkan** adalah layak untuk menyertai taklimat dan lawatan tapak;<br>ii. Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, **hanya penama yang tercatat dalam sijil MOF** yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat. Petender tidak boleh menghantar wakil selain penama dalam **sijil MOF**; dan<br>iii. Sila bawa bersama **Sijil MOF (ASAL)** beserta satu **SALINAN sijil** tersebut dan cop syarikat.<br>iv. Sijil akuan pendaftaran syarikat dengan MOF hendaklah masih berkuat kuasa sekurang- kurangnya melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup tender. |

1. **Hanya petender yang telah menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak serta berdaftar sebagai Pembekal RAC melalui sistem Tender Wizard RAC sahaja** yang layak dan boleh memuat turun Dokumen Tender. Pendaftaran sebagai Pembekal RAC boleh dibuat di pautan https://tenderwizard.my/RAC. Fi pendaftaran sebagai pembekal adalah RM150.00 untuk 12 bulan.

2. Sila ambil perhatian bahawa **Fi Perkhidmatan** berjumlah 0.8% akan dikenakan kepada petender yang berjaya berdasarkan kepada harga tawaran, tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600.00 (tidak termasuk cukai perkhidmatan). Justeru itu, cukai perkhidmatan sebanyak 8% akan dicaj ke atas nilai fi perkhidmatan tersebut. Sebarang pertanyaan berkaitan tender ini hendaklah dihantar melalui e-mel kepada perolehan@rac.gov.my.